



PESANAN RAMADAN

— oleh —

Muhammad Haniff Hassan



PESANAN RAMADAN

oleh
Muhammad Haniff Hassan

PESANAN RAMADAN

© 2022 Madani Institute Pte Ltd

ISBN APP22011938

Dicetak oleh:

Madani Institute Pte Ltd

Hakcipta terjemahan buku ini dimiliki oleh Madani Institute Pte Ltd. Semua hakcipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Dilarang mengguna mana-mana bahagian, ilustrasi atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk tanpa izin.

Urus selia Penerbitan & Percetakan:

Madani Institute (Singapura)

E-mail: info@madani-institute.sg


www.madani-institute.sg/shop-books

Kandungan

Para-Kata Penulis	i
PESANAN 1 - Ramadan Bagi Seorang Muslim...	1
PESANAN 2 - Hanya Tinggal 15 Hari Lagi...	5
PESANAN 3 - Kehidupan Yang Lebih Baik Selepas Ramadan - Apa Yang Ramadan Boleh Lakukan Pada Diri Kita?	13
PESANAN 4 - Hari Raya Bagi Seorang Muslim...	25
Senarai Ibadah Harian Bagi Ramadan 2022	29



Buku ini diterbitkan atas tajaan
Masjid Al-Istiqamah





Pra-kata Penulis

Buku ini adalah kumpulan penulisan yang saya tulis semasa bertugas di Perdaus bagi bacaan staf dan aktivis Perdaus.

Ia diubah suai untuk diterbitkan semula bagi bacaan umum memandangkan isinya yang masih relevan dan bermanfaat untuk ramai dan atas permintaan pihak penaja.

Moga ia menjadi amal soleh di sisi Allah taala dan ilmu yang dimanfaati hingga bermanfaat bagi saya hingga ke liang kubur.

Saya dedikasikan juga buku ini untuk ibubapa saya, isteri dan sekalian anak-anak saya yang telah banyak berjasa dan memberi sokongan pada saya selama ini. Semoga mereka juga mendapat sebahagian pahala dari penerbitan buku ini.

Ucapan terima kasih pada Masjid Al-Istiqamah yang sudi menerbitkan semula artikel-artikel ini dalam sebuah buku kecil untuk projek pengumpulan dana bersempena dengan kahadiran Ramadan tahun 2022.

Moga usaha pengumpulan dana ini juga diterima sebagai amal soleh di sisi Allah taala dan menambah keberkatan masjid.

Salam Ramadan buat sekalian pembaca... Mohon maaf atas segala kesilapan yang zahir dan batin.

Muhammad Haniff Hassan, 2022



PESANAN 1

Ramadan Bagi Seorang Muslim

Ramadan menjelang lagi. Kedatangan Ramadan seharusnya disambut dengan kesyukuran dan kegembiraan oleh Muslim. Walau pun secara lumrahnya ia membawa bersamanya keletihan fizikal dan kesibukan masa kerana tugas dalam kehidupan tidak berkurangan dengan kedatangan Ramadan. Bahkan kesibukan bertambah untuk mengimbang tugas harian dan amal peribadi bagi meraih fadilat bulan yang mulia ini. Namun ia tetap harus disyukuri kerana tidak bersyukur adalah petanda kurang reda akan taklif yang Allah taala telah tetapkan.

Kita merasakan penting bulan Ramadan ini kerana ia adalah masa terbaik untuk kita membangun kekuatan yang berkurangan, merawat luka-luka dan menyucikan kekotoran jiwa yang bertompok sepanjang setahun yang lalu. Walaupun sebenarnya kita tidak perlu menanti Ramadan untuk melakukannya, namun Ramadan tetap merupakan bulan yang terbaik untuk kita mempertingkat usaha tadi.

Sejajar dengan konsep ‘hari ini lebih baih dari semalam’, Ramadan yang datang ini semestinya lebih baik dari Ramadan yang lalu.

Kita hanya boleh pastikan bahawa Ramadan yang akan datang ini menjadi lebih baik dari yang lalu jika kita tahu dan jelas akan apa yang telah kita lakukan dan capai di Ramadan yang lalu. Dari situ kita bina pula, objektif dan tindakan bagi satu Ramadan yang lebih baik.

Jika kita tidak jelas akan masa lalu dan tidak membina sesuatu objektif untuk masa depan, bagaimana kita boleh memastikan bahawa kehidupan hari ini atau akan datang kita akan menjadi lebih baik?

Untuk melakukan ini, ia menuntut pula untuk berfikir, menghisab diri, mengenalpasti apa ibadah dan amal yang hendak dilakukan, merancang dan mengurus ibadah dan kehidupan kita.

Kita boleh mempertimbangkan apa yang dibawah ini sebagai sebahagian dari program peningkatan amal peribadi kita di bulan Ramadan;



1. Berusaha mendekati individu-individu di sekeliling kita untuk dikongsi keindahan ajaran Islam dan diajak pula menyumbang bagi kerja-kerja yang akan bermanfaat bagi umat Islam.
2. Menulis artikel atau kertas kerja yang bermanfaat untuk diterbitkan.
3. Membaca dan mengkaji buku yang berkaitan pengetahuan umum yang bermanfaat.
4. Mengkaji secara khusus tafsir satu surah dalam Al-Quran bagi meluaskan ilmu Islam kita.
5. Menjayakan satu projek kemasyarakatan yang khusus untuk bulan Ramadan.
6. Mempertingkatkan sedekah untuk kerja kebajikan di bulan Ramadan dan mengurangkan perbelanjaan peribadi dan pembaziran.
7. Mempertingkatkan bacaan Al-Quran untuk membaiki mutu bacaan dan mengkhatamkannya.
8. Mempertingkat solat sunat yang telah sedia kita lazimi atau mengamalkan solat sunat tertentu yang belum kita lazimi agar dapat dilazimi selepas Ramadan seperti solat Dhuha, Witir, Tahajjud dan lain-lain.


9. Mempertingkatkan wirid dengan menambah jumlah bacaan kumpulan zikir yang datang dari Sunnah Rasulullah s.a.w.
10. Mempertingkat solat secara berjemaah.
11. Menunaikan solat Tarawih 100%.
12. Mengambil peluang dari suasana Ramadan untuk mempertingkat hubungan dengan pasangan masing-masing dan anak-anak.
13. Mempertingkat khidmat kepada ibu bapa.
14. Memastikan lebih banyak masa untuk beriktikaf pada 10 terakhir Ramadan.
15. Mengurangkan bercakap dan aktiviti yang tidak bermanfaat dalam kehidupan biasa dan di sosial media.
16. Mengurangkan makanan yang tidak berkhasiat.
17. Mengurangkan berat badan.
18. Mengurangkan penggunaan masa bagi hiburan yang harus untuk diisikan dengan sesuatu yang lebih baik.
19. Menangisi dosa dan nasib kita kelak di hari Akhirat dan juga dosa dan nasib umat Islam hari ini.

Di bulan Ramadan ini tidak ada satu ibadat yang kecil yang patut diabaikan dan tidak satu kecuaian dan dosa yang patut diringankan.

Selamat berpuasa...
Selamat berjuang...

PESANAN 2

Hanya Tinggal 15 Hari Lagi...



Kita telah pun berada di pertengahan Ramadan. Di hadapan kita, 15 hari lagi sebelum Ramadan pada tahun ini menutup tirainya.

Pertengahan Ramadan ini adalah masa yang baik untuk dijadikan titik perhentian untuk kita meninjau apa yang telah dilakukan dan dicapai dalam 15 hari yang lalu dan apa yang hendak dilakukan dan dicapai dalam 15 hari akan datang.

Berikut adalah beberapa langkah yang boleh dilakukan sebagai sebahagian dari usaha melakukan penilaian.

1

Peruntukkanlah masa untuk merenung akan apa yang telah dilakukan sebelum ini. Bandingkanlah ia dengan objektif minimum berikut;

Solat berjemaah
3x sehari.

Menunaikan semua solat
solat sunat selepas dan
sebelum solat wajib.

Melakukan Tarawih paling
kurang 8 rakaat setiap hari.

Menunaikan solat Witir
1 rakaat setiap hari.

Melalukkan solah Dhuha
2 x 4 rakaat seminggu.


Membaca Al-Quran
1 juz setiap hari.

Menunaikan solat Tahajjud
pada wajtu sahur 4 rakaat
setiap hari.


Bersedekah
\$1 setiap hari.

Membaca kumpulan
wirid-wirid yang sah dari
Rasulullah s.a.w. setiap hari.

Membaca satu buku
dalam bulan Ramadan.



Kemudian tanyakanlah soalan-soalan berikut.

- ◊ Adakah amalan kita menepati dengan objektif berkenaan?
 - ◊ Jika ya, tanyakanlah adakah objektif berkenaan terlalu mudah bagi kita?
 - ◊ Jika ya, maka ubahlah objektif itu agar ia menjadi lebih mencabar.
 - ◊ Jika tidak, maka teruskanlah usaha untuk mencapainya pada 15 hari akan datang.
 - ◊ Jika objektif berkenaan tidak tercapai, carilah punca kenapa ia tidak tercapai.
 - ◊ Jika puncanya boleh di atasi, rancanglah bagaimana ia boleh diatasi dan berusahalah untuk mencapai objektif berkenaan pada 15 hari akan datang dan menutup kekurangan yang lalu.
 - ◊ Jika objektif berkenaan tidak dicapai kerana halangan yang tidak boleh di atasi, ini bermakna objektif tersebut adalah terlalu memberatkan. Oleh itu, ubahlah objektif itu agar lebih realistik tetapi tidaklah terlalu mudah sehingga tiada mujahadah bagi mencapainya.
- 

2

Kita akan bertemu dengan malam *Nuzul Al-Quran* pada malam 17 Ramadan. Pada kebiasaannya banyak masjid akan menganjurkan pelbagai majlis ceramah bagi memperingatinya. Buatlah perancangan untuk menghadiri majlis ini pada malam berkenaan bagi menambah ilmu kita. Carilah majlis ceramah dengan tajuk yang sesuai dengan keperluan kita. Bawalah keluarga kita bersama. Ambil kesempatan ini untuk kita memahamkan anak kita akan apa itu *Nuzul Al-Quran*. Kita boleh bercerita dengan mereka kisah Rasulullah s.a.w. menerima wahyu dan pengajaran darinya atau menyuruh meraka membaca buku berkenaan. Kita boleh juga membaca tafsir surah *Al-Alaq* bagi menghayati pengertian dari wahyu pertama yang diturunkan.

3

Yang terpenting dari 15 hari yang terakhir ialah malam-malam 10 hari terakhir dari Ramadan. Malam-malam ini adalah penting kerana terdapat malam *Lailatul Qadr* dalam salah satu dari malam-malam ganjil iaitu 21, 23, 25, 27, 29 Ramadan. Malam yang mana melakukan kebaikan di dalamnya sama seperti melakukan kebaikan selama 1000 bulan. Dari segi pelaburan, malam ini menyediakan keuntungan pelaburan yang berganda. Oleh itu, tidak wajar ia dipersia-siakan. Apatah lagi usia kita belum tertentu mampu untuk melakukan ibadah sebanyak itu.

Rasulullah s.a.w. dalam malam-malam ini akan menggandakan ibadahnya. Beliau akan beriktikaf selama

10 hari penuh di masjid dan melakukan pelbagai ibadah-ibadah sepanjang ia beriktikaf.

Untuk membolehkan kita memaksimumkan manfaat dari peluang ini, ia memerlukan perancangan agar ibadah kita dapat dilakukan dengan baik tanpa mengganggu kewajiban yang lain. Berikut adalah beberapa pertimbangan yang perlu dibuat.

- a. Yang afdal ialah untuk beriktikaf selama 10 hari di masjid tanpa terputus kerana inilah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Sebahagian individu melakukannya dengan berumrah pada akhir Ramadan untuk menumpukan pada ibadah di saat-saat akhir ini.
- b. Namun ramai yang mungkin tidak berkemampuan. Alternatif lain ialah dengan memohon cuti agar dapat melakukan perkara ini. Jika ini pun tidak dapat dilakukan, boleh pula dipertimbangkan untuk mengambil cuti setengah hari pada hari-hari tertentu. Ini bagi membolehkan seseorang untuk berehat sebentar selepas Subuh agar dapat bekerja pada setengah hari kedua tanpa keletihan bagi mengelakkankan masalah di tempat kerja.
- c. Jika ini juga tidak memungkinkan, usahakanlah dengan penuh bijaksana agar peluang ini tetap dapat diraih semaksimum mungkin tanpa mengabai tanggungjawab yang lain. Adalah tidak wajar bagi

seorang Muslim untuk mencuri tulang di tempat kerja atas alasan penat beribadah di malamnya kerana ini akan memburukkan nama baik Islam dan umatnya.

- d. Untuk memakmurkan 10 malam terakhir dan menunaikan tanggungjawab lain memerlukan kekuatan fizikal yang baik. Oleh itu, mulakanlah langkah-langkah untuk membina stamina dan menjaga kesihatan melalui pemakanan dan gaya hidup yang baik.
- e. Libatkanlah keluarga dalam program beriktikaf di masjid dengan membawa bersama isteri dan anak-anak. Ramadan yang datang bersamaan dengan cuti sekolah membolehkan anak-anak untuk turut bersama beribadah. Penglibatan mereka adalah baik bagi pendidikan mereka agar mereka terbiasa dan mengalami sendiri pengalaman ini. Jika peluang ini tidak diambil, kita akan terpaksa menanti beberapa tahun untuk bertemu dengan Ramadan ketika cuti sekolah. Penglibatan anak-anak juga akan membantu bagi mengukuhkan hubungan anak-anak dan ibu bapa dan memberi keberkatan kepada keluarga untuk hidup dengan bahagia.
- f. Kenal pasti masjid-masjid yang menganjurkan program iktikaf dan dapatkan butir-butir program secara terperinci seperti adakah Qiyam dilakukan secara berjemaah, siapa imam yang akan memimpin

- ibadah, adakah sahur disediakan, apakah program-program lain yang ada dan lain-lain yang berkenaan.
- g. Dapatkan maklumat mengenai amalan-amalan bagi menghidupkan 10 malam terakhir, *Lailatul Qadr*; adab-adab iktikaf dan lain-lain agar kita beramal dengan ilmu bukan ikut-ikut dan tidak pula terjatuh dalam perkara-perkara bid`ah. Ini boleh dilakukan dengan membaca buku-buku berkenaan dan bertanya kepada asatizah yang bertauliah.

4

Jangan lupa untuk mempertingkat doa bagi diri sendiri dan umat Islam sejagat.

5

Jangan lupa untuk menunaikan zakat fitrah. Masa yang sunat ialah apabila masuk waktu Maghrib di malam Idul Fitri sehingga sebelum solat Idul Fitri. Pahala berpuasa akan tergantung di antara bumi dan langit sehingga zakat fitrah ditunaikan. Tidak membayar zakat fitrah bagi mereka yang mampu pula adalah satu dosa.

Zakat fitrah hanya dibayar ketika bulan Ramadan tetapi ia bukan satu-satunya zakat yang wajib dikeluarkan oleh seorang Muslim. Zakat juga wajib dibayar bagi wang simpanan, saham, perniagaan, emas dan lain-lain jika mencukupi syarat-syaratnya.

Dapatkanlah maklumat mengenai zakat bagi memahaminya atau bertanya dengan asatizah yang bertauliah. Jika kita mempunyai kewajiban untuk membayar zakat selain zakat

fitrah tetapi belum menunaikannya, ambil kesempatan dari Ramadan untuk melaksanakannya kerana pahala yang berganda. Oleh itu, semaklah harta kita dan mulakanlah kiraan agar kewajiban ini tidak terabai.



Pada malam Idul Fitri peruntukkanlah sedikit masa untuk memuhasabah diri akan apa yang telah kita lakukan sepanjang bulan Ramadan. Fikirkanlah akan langkah-langkah untuk memastikan kehidupan kita sebagai seorang Muslim selepas bulan Ramadan, menjadi lebih baik dari sebelum Ramadan. Kita boleh bertanya soalan-soalan berikut;

Apakah ibadah yang hendak aku teruskan selepas Ramadan atau mempertingkatkannya seperti solat Witir, membaca Al-Quran atau puasa Isnin dan Khamis?

Apakah sifat-sifat keji atau tabiat buruk yang perlu tinggalkan atau kurangi?

Apakah sifat-sifat terpuji dan tabiat baik yang akan diteruskan selepas Ramadan seperti sabar, belas ihsan, tidak bercakap banyak atau bangun awal?


Bagaimanakah aku boleh menyumbang atau berkhidmat kepada masyarakat selepas Ramadan atau meningkatkan sumbangan?

Selamat mencuba. Semoga Allah taala memberi kemudahan dan keberkatan pada usaha kita.

PESANAN 3

Kehidupan Yang Lebih Baik Selepas Ramadan - Apa Yang Ramadan Boleh Lakukan Pada Diri Kita?

Ramadan sepatutnya mengubah diri kita atau membantu kita untuk mengubah diri. Di bawah ini dinyatakan 10 perkara bagaimana Ramadan boleh membantu kita melakukan perubahan diri.





Mengenali diri

Seseorang itu tidak akan dapat melakukan perubahan dalam dirinya tanpa ia mengenali dirinya sendiri, dari segi kekuatan, kelemahan, sumber yang ia ada dan lain-lain.

Ahli perang Cina, Sun Tzu ada berkata, “*Kenali diri anda dan kenali musuh anda, setiap seribu peperangan beroleh seribu kemenangan.*”

Dalam ilmu pengurusan proses mengenali diri ini dapat dilakukan melalui Analisa *SWOT* iaitu menganalisa *Strength* (Kekuatan), *Weakness* (Kelemahan), *Opportunity* (Peluang) dan *Threat* (Ancaman).

Proses ini sering kita gunakan untuk urusan kerja di pejabat dan bagi syarikat tempat kita bekerja tapi tidak ramai yang menggunakananya bagi kegunaan peribadi atau keluarga ke arah pembaikan dalam kehidupan.

Ramadan memberi peluang untuk kita mengenali diri. Sejauh mana kita sabar, ikhlas, bersyukur dan pelbagai nilai-nilai lain kerana kebiasaannya pada bulan Ramadan seseorang itu akan lebih peka terhadap persoalan-persoalan ini kerana ingin menjaga ibadah puasanya.

Oleh itu gunakanlah kehadiran Ramadan untuk mengenali diri kita. Wujudkanlah masa untuk menghisab diri dan gunakanlah

sistem-sistem yang banyak terdapat untuk lebih mengenali diri sendiri. Saidina Umar berkata,

“Hisablah diri kamu sebelum kamu menghisab diri dan pertimbangkanlah amalan kamu sebelum ia ditimbang.”

2 Pengurusan hidup

Siapa yang gagal untuk merancang sesungguhnya ia merancang untuk gagal. Demikianlah kata-kata hikmah yang terdapat dalam ilmu pengurusan.

Pengurusan hidup adalah penting. Tanpanya kita akan kerugian kerana terlepas peluang, membazir sumber, tidak mengoptimumkan potensi diri dan lain-lain.

Ramadan adalah bulan yang baik bagi melatih kebiasaan pengurusan hidup yang baik. Sepanjang bulan Ramadan, urusan harian kita akan bertambah kerana kita masih perlu menunaikan kerja-kerja biasa di pejabat dan di rumah di samping itu juga melakukan pelbagai ibadah yang dianjurkan seperti solat Tarawih, solat Witir, bersahur, membaca Al-Quran bagi meraih fadilat Ramadan.

Kesemua ini menuntut kemahiran pengurusan. Jika tidak, kemungkinan besar akan ada yang terabai dan tertinggal dan ini akan merugikan kita.

Sekiranya kita secara sedar merancang kehidupan kita di bulan Ramadan bagi memenuhi tanggungjawab harian dan ibadah, ia akan membentuk kebiasaan yang baik. Kebiasaan ini jika diteruskan dalam kehidupan harian akan menyumbang kepada kejayaan dan perubahan yang besar dalam kehidupan.

Namun ingatlah bahawa yang penting ialah mengurus hidup bagi menghadapi hari pembalasan. Allah taala berfirman,

“Wahai orang yang beriman. Bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah setiap jiwa melihat apa yang ia sediakan untuk hari esok (hari pembalasan) dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu lakukan” (Al-Hasyar : 18)

3) Mengawal diri

Bagi mengubah kehidupan, kita perlu mampu untuk mengawal diri kerana kehidupan ini dipenuhi dengan pertarungan dan persaingan dengan pelbagai kepentingan dan keinginan.

Hanya mereka yang mampu mengawal diri sahaja yang dapat memilih apa yang terbaik bagi perubahan dirinya. Jika tidak, nafsu yang akan menjadi raja dalam diri. Betapa ramai kita lihat manusia hilang maruah dan melakukan pelbagai perkara kerana tidak mampu mengawal diri. Bapa yang tidak mampu mengawal dirinya melakukan perbuatan sumbang terhadap anaknya atau orang gajinya. Ramai remaja hari ini kecundang dengan pelbagai tarikan nafsu adalah kerana tiada mekanisme kawalan dalaman dalam diri sendiri.

Puasa adalah latihan yang terbaik bagi kawalan diri kerana ia membina kawalan dalaman yang lebih kuat dari kawalan luaran. Seorang yang mengawal dirinya kerana faktor luaran seperti takut kepada ibubapa akan mudah kecundang apabila ibubapanya tiada bersamanya atau berada di belakang mereka.

Puasa membina kekuatan dalaman kerana hakikat puasa bukan hanya menahan dari lapar dan dahaga tetapi lebih dari itu. Lagi pula seseorang yang benar-benar berpuasa akan dilatih untuk menjaga dirinya dari pelbagai kejahatan walau pun bersendirian kerana dia menyedari Allah taala Maha Melihat dan tidak mahu pahala puasanya berkurangan.

Gunakanlah Ramadan sebagai latihan bagi mengawal diri.

Empati

Antara masalah dunia hari ini ialah meratanya sikap mementingkan diri sendiri dalam diri. Apabila seseorang itu hanya mementingkan kepentingan peribadi, dia tidak akan peduli dengan nasib orang lain atau dia akan mencapai kepentingan diri di atas kesengsaraan orang lain.

Sering kali, dalam proses merubah kehidupan kita, perkara seperti ini akan berlaku. Satu cara untuk kita membuang sifat mementingkan diri sendiri ialah dengan membina sifat empati. Empati ialah sifat yang mana kita meletakkan diri kita pada keadaan seseorang dan merasakan apa yang orang itu rasakan.

Puasa di bulan Ramadan adalah satu cara untuk membina sifat ini kerana dengan berpuasa kita bukan hanya merasakan kelaparan dan kesulitan tetapi juga disuruh untuk merasakan juga bagaimana kelaparan orang miskin dan pelarian di merata tempat.

Hanya apabila kita mempunyai empati, kita akan lebih mengambil berat nasib orang lain. Dengan itu kita bukan hanya berusaha untuk mengubah diri kita tetapi juga mengubah keadaan hidup orang lain.

5 Hidup untuk berkhidmat pada yang lain

Ramadan mengajar kita agar sentiasa berkhidmat kepada orang lain. Kita bukan hanya disuruh untuk menjadi seorang Muslim yang soleh tetapi juga yang menjadikan orang lain soleh.

Di dalam bulan Ramadan, kita diperintah untuk mengeluarkan zakat fitrah. Ia adalah simbol bagi sikap mengambil berat terhadap kesusahan orang lain dan berusaha untuk membantu mereka.

Dalam berusaha untuk mengubah diri kita, hendaklah kita memperuntukkan sedikit masa bagi berkhidmat kepada orang lain. Sebenarnya Islam mengajar umatnya bahawa mereka boleh menolong diri sendiri dengan menolong orang lain. Apabila kita menolong orang lain, Allah akan membantu kita dan akan ada orang lain yang akan bersimpati untuk membantu kita pula.

Pahala yang kita perolehi dari menolong orang lain pula akan memberi keberkatan dalam hidup. Keberkatan inilah yang paling penting bagi kita untuk kebahagiaan hidup. Betapa ramai orang kaya tetapi jiwanya tidak tenteram. Sebaliknya, ramai orang yang kurang berharta tetapi hidupnya baik-baik sahaja kerana keberkatan dari Allah taala.

Rasulullah s.a.w. bersabda,

“Siapa yang tidak mengasihi manusia, Allah tidak akan mengasihi dia.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Ertinya kasihilah orang lain sebelum kita dikasihi. Berkhidmat kepada yang lain sebelum mengharap orang berkhidmat kepada kita untuk mengubah kehidupan.



Membiasakan kebiasaan yang baik

Antara perkara yang perlu dipertingkatkan dalam kehidupan ialah kebiasaan yang baik. Apabila kita tidak mempunyai kebiasaan yang baik, hidup kita akan diisi dengan kebiasaan yang tidak baik. Inilah lumrah hidup.

Ramadan memberi peluang untuk kita mempertingkat dan mengukuhkan kebiasaan yang baik. Di bulan Ramadan, kita dididik untuk bersederhana dalam pemakanan, bangun awal pagi, beribadah secara konsisten, berhenti atau mengurangkan merokok dan lain-lain.

Oleh itu, kita perlulah mengambil peluang ini. Kita boleh mula berfikir dari sekarang akan apa kebiasaan yang baik untuk diteruskan selepas Ramadan dan merangka langkah-langkah bagi menjayakannya sehingga Ramadan akan datang.

Rugilah kita jika tiada apa-apa kebiasaan yang baik yang dapat dipertingkatkan selepas Ramadan kerana seorang Muslim yang hari ini sama seperti semalam adalah orang yang rugi.



Bersemarak rasa mulia diri

Ramadan dipenuhi dengan pelbagai ujian. Ramadan adalah satu perjuangan. Sekiranya kita berjaya menunaikan perjuangan ini dengan baik dan mengatasi ujian-ujian yang ada, ia akan membina rasa kemuliaan dan keyakinan terhadap diri.

Bayangkan jika kita dapat melakukan kerja-kerja kita di pejabat sama seperti hari biasa atau sama seperti rakan-rakan bukan Islam sedangkan kita berpuasa, tidakkah ini merupakan satu pencapaian yang mendedahkan keupayaan kita.

Banyak yang boleh kita dapati dari bulan Ramadan bahawa kita sememangnya boleh dan mampu.

Hidup sememangnya memerlukan rasa mulia diri dan keyakinan. Jika tidak, potensi kita akan terabai.

Namun perasaan mulia dan yakin hanya timbul jika kita benar-benar berjuang dan bersungguh-sungguh dalam menghidupkan Ramadan. Mereka yang Ramadannya hanya ala kadar sahaja, tidak akan mampu merasakan perasaan ini. Maka dia akan kehilangan peluang mendapat tenaga bagi peningkatan diri.



Menjadi contoh yang baik

Mengapakah Ramadan dipenuhi dengan pelbagai hikmah bagi membina nilai-nilai positif dalam hidup kita? Kerana sebagai orang Islam, kita perlulah menjadi contoh yang baik.

Jika kita boleh bekerja seperti biasa di bulan Ramadan, orang akan kata '*Lihatlah pekerja Muslim itu, walau pun ia berpuasa tetapi ia tetap rajin seperti biasa*'.

Ramadan mengajar kita sabar, keinsafan, syukur dan sifat belas kasihan. Jika kesemua ini memberi kesan dalam hidup kita dan terus dihayati dalam kehidupan, orang akan pasti melihat nilai-nilai ini dalam kita dan sentiasa mengaitkan nilai ini dengan kita – umat Islam.

Dalam keadaan hari ini yang sering kali umat Islam dikaitkan dengan elemen negatif, kita perlulah berperanan untuk menjadi contoh yang baik bagi mengubah perkara ini.

Bulan Ramadan merupakan bulan latihan bagi menjadikan kita contoh yang baik.



Ramadan dan persekitaran yang baik

Mengapakah di bulan Ramadan kita kurang cenderung kepada keburukan dan lebih sedar tentang kebaikan? Kerana Ramadan menyediakan persekitaran sedemikian.

Allah taala mensyariatkan Ramadan dengan pelbagai program yang membentuk persekitaran yang baik untuk kita seperti syaitan dibelenggu, ganjaran diganda, pelbagai ibadah untuk dilakukan dan kita beribadah sebagai satu masyarakat bukan individu.

Apabila kita berada dalam persekitaran yang baik, kita akan lebih cenderung pada kebaikan dan sebaliknya. Apabila kita beribadah sebagai satu masyarakat atau berjemaah, kita lebih kuat dan lebih banyak berkat.

Kenapa di luar Ramadan ramai di antara kita sukar berpuasa sunat? Kerana tiada persekitaran yang mendokong kita.

Dengan ini Ramadan mengajar kita pentingnya persekitaran untuk mengubah diri kita. Carilah persekitaran itu dan wujudkanlah ia dalam kehidupan kita.

10

Dengan mengenali diri, mengurus kehidupan dan persekitaran yang baik - Yakin boleh!

Untuk mengubah diri menjadi seorang Muslim yang baik selepas Ramadan, kita perlu mengenal diri sendiri, mengurus kehidupan dan berada dalam persekitaran yang baik.

Kesemua ini ada dalam bulan Ramadan. Jika kita lepaskan peluang untuk membina perkara-perkara tadi dengan kehadiran Ramadan, ditakuti tiada perubahan yang berlaku dalam hidup kita dan kita perlu menanti Ramadan pada tahun hadapan. Sedangkan ia adalah satu yang tidak pasti kerana tiada siapa yang dapat menjamin bahawa usia kita akan panjang untuk bertemu Ramadan pada tahun hadapan.

Janganlah kita tunggu hari esok untuk mengubah diri kita kerana setiap detik dalam kehidupan adalah amanah yang akan dipertanggungjawapkan.

Ambillah langkah segera untuk mengenal diri, merancang hidup peribadi dan keluarga dan mewujudkan persekitaran yang baik. Selagi kita masih bernafas, belum terlambat untuk mulakannya.



PESANAN 4

Hari Raya Bagi Seorang Muslim...

Ramadan adalah satu perjuangan. Dipandang dari sudut fizikal sahaja, Ramadan sememangnya satu tuntutan yang memerlukan semangat juang untuk melaksanakannya. Apatah lagi jika dipandang juga dari sudut batin – bahawa Ramadan bukan hanya tuntutan menahan lapar dan dahaga dari fajar hingga senja tetapi juga menahan nafsu-nafsu yang bersifat batin dari larangan Allah taala.

Kerana beratnya tuntutan Ramadan ke atas kita, Allah menghadiahkan Idul Fitri, hari yang disunatkan untuk melahirkan kegembiraan dan meraikan kejayaan perjuangan, bagi mereka yang berjaya menunaikan tuntutan Ramadan.

Namun, Ramadan bukanlah satu-satu tuntutan perjuangan dalam Islam. Ia bukan pula satu kewajipan yang terunggul sehingga kejayaan melakukannya dianggap sebagai puncak segala kejayaan dan kita pun meraikannya seseronok hati kita.

Hakikatnya perjuangan di bulan Ramadan hanyalah satu perjuangan kecil dari tuntutan perjuangan yang lebih besar.

Apakah pula tuntutan perjuangan yang lebih besar yang perlu dipikul?

Perjuangan yang lebih besar yang dituntut ke atas kita ialah untuk merealisasikan tujuan perutusan Rasulullah s.a.w. ke muka bumi ini sebagaimana dalam firman Allah taala,

“Dan tidaklah Kami mengutus kamu (Muhammad) kecuali untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam” (Al-Anbiya’ : 107)

Juga, bagi menunaikan peranan kita sebagai khalifah Allah taala di muka bumi sebagaimana dalam firmanNya,

“Dan apabila Tuhanmu berkata ‘Sesungguhnya aku ingin menjadikan di muka bumi seorang khalifah” (Al-Baqarah : 30)

Antara manifestasi dari perjuangan yang besar ini juga ialah berleluasanya satu orde yang baik di alam jagat sebagaimana yang boleh difahami dari firman Allah taala,

“Negara yang baik dan Tuhan yang pengampun” (Saba’ : 15)

Walau pun realiti kita mungkin jauh dari hakikat yang hendak dicapai, idealisme ini perlu sentiasa kekal dalam minda kita agar ia dapat diwariskan pula kepada generasi seterusnya.

Cubalah kita renung sejenak dan melihat sekeliling kita... Sejauh manakah matlamat perjuangan yang besar ini telah dapat dicapai?

Nyata sekali kita masih jauh darinya. Maka, apakah erti perayaan bagi perjuangan kecil sedangkan perjuangan besar masih jauh dari sasaran?

Apakah boleh kita terlalu berseronok berhari raya pada ketika tanggungjawab yang lebih besar masih terabai? Tidakkah terlalu awal untuk kita ‘*celebrate*’ kerana berjaya dalam ‘perjuangan’?

Pada ketika Allah mensyariatkan Idul Fitri, umat Islam ketika itu telah berada di Madinah. Walau pun Islam pada ketika itu belum meluas ke merata dunia, namun ia telah tertegak sebagai satu cara hidup dalam lingkungan masyarakat Madinah. Perjuangan yang dimulakan oleh Rasulullah s.a.w. lalu diwarisi oleh generasi seterusnya sehingga kemudiannya ia tersebar luas di Asia dari Moroko hingga ke negeri Cina dan sebahagian yang bukan kecil dari Eropah.

Maka layaklah mereka untuk bergembira... Layaklah mereka untuk berhari raya... Layaklah pula mereka meraikan kejayaan satu ‘perjuangan’.

Melihat pada banyaknya negara umat Islam sendiri yang dilanda dengan musibah perang dan kelaparan... bagaimana seorang Muslim seperti kita dapat terlalu bergembira dan beraya?

Rasulullah s.a.w. bersabda,

“Tidak beriman seseorang dari kamu sehingga ia suka untuk saudaranya apa yang ia suka untuk dirinya.” (Riwayat Al-Bukhari)

Bagi kita, Idul Fitri adalah hari keinsafan. Hari untuk kita merenung akan erti perjuangan yang sebenar dan sumbangan kita kepadanya.

Ayuh kita bina dari keinsafan ini satu tekad yang lebih kukuh dan janji bahawa daya juang sepanjang Ramadan ini akan diteruskan bagi satu perjuangan yang lebih besar.

Moga Allah mentakdirkan kita bertemu dengan ‘perayaan’ yang lebih bererti dari Idul Fitri.

Senarai Ibadah Harian Bagi Ramadhan Tahun 2022

Aktiviti	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Qabliah Subuh																														
Subuh Berjemaah																														
Dhuha																														
Qabliah Zohor																														
Zohor Berjemaah																														
Ba'diah Zohor																														
Asar Berjemaah																														
Maghrib Berjemaah																														
Ba'diah Maghrib																														
Isya' Berjemaah																														
Ba'diah Isya'																														
Tarawih																														
Tahajjud																														
Witir																														
Membaca Al-Quran																														
Wirid Ma'thurat																														
Bersedekah																														
Membaca Buku																														

Gol minimum peribadi:*

- ◊ Solat berjemaah:
- ◊ Solat sunat qabliah dan ba'diah: semua
- ◊ Solat Tarawih:
- ◊ Solat Dhuha:
- ◊ Solat Witir:
- ◊ Qiyamulal / Tahajjud: 3x sehari
- ◊ Bacaan Al-Quran
- ◊ Wirid Ma'thurat:
- ◊ Bersedekah:
- ◊ Membaca buku: 8 rakaat sehari
- ◊ Membaca buku: 2x4 rakaat seminggu
- ◊ Membaca buku: 1 rakaat sehari
- ◊ Membaca buku: \$1/- sehari
- ◊ Membaca buku: 1 buku hingga akhir Ramadan

*Anda boleh tetapkan gol sendiri selama mana ia bersifat SMART (Specific, Measurable, Attainable, Realistic and Time Bound)

Biografi Ringkas Penulis

Muhammad Haniff Hassan

Seorang warga Singapura, bertugas sebagai Zamil di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, Universiti Teknologi Nanyang. Beliau berkelulusan M.Sc dan Ph.D dalam bidang pengajian strategik dari institusi yang sama. Pendidikan awalnya ialah di Madrasah Aljunied Al-Islamiyah di Singapura. Beliau kemudian melanjutkan pelajarannya di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan memperoleh ijazah sarjana pertama dengan kepujian dalam Shar'iah dan Undang-undang. Beliau turut aktif dalam berbagai kerja sosial dan dakwah sebagai anggota Majlis Rayuan Syariah di bawah Majlis Ugama Islam Singapura, ahli Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Singapura (PERGAS) dan anggota Majlis Skim Pengiktirafah Asatizah Muis-Pergas. Beliau telah banyak menyumbang bahan tulisan di suratkhabar Berita Harian dan artikel-artikelnya juga diterbitkan oleh suratkhabar berbahasa Inggeris *The Straits Times*. Sehingga kini beliau telah menerbitkan lebih dari 10 buku. Beliau mempunyai blog peribadi di www.haniff.sg.

“Buku ini adalah kumpulan penulisan yang ditulis semasa saya bertugas di Perdaus bagi bacaan staf dan aktivis Perdaus ketika itu. Ia diubah suai untuk diterbitkan semula bagi bacaan umum memandangkan isinya yang masih relevan dan bermanfaat untuk ramai dan atas permintaan pihak penaja. Moga ia menjadi amal soleh di sisi Allah ta'ala dan ilmu yang dimanfaati hingga bermanfaat bagi saya hingga ke liang kubur.”

Ustaz Dr Muhammad Haniff Hassan

Buku ini diterbitkan atas tajaan
Masjid Al-Istiqamah



Penerbitan & Percetakan:

Madani Institute (Singapura).
Emel: info@madani-institute.sg
www.madani-institute.sg/shop-books

ISBN ISBNAPP22011938

Tidak dibenarkan mencetak & terbit kembali tanpa keizinan
daripada pihak penerbit buku ini.